

Kemalangan makin kerap

Penduduk minta bina pengadang jalan elak kereta terjunam

■ NUR FARHANA ABDUL MANAN

PUCHONG – Ketiadaan pengadang di tebing parit berdekatan jalan keluar masuk ke Kampung Seri Andalas di sini antara punca beberapa buah kereta terbabas dan terjunam ke dalamnya.

Penduduk, Mohd Sharudin Chek Mi, 56, berkata, situasi itu kerap berlaku pada waktu malam terutama ketika hujan lebat.

Air akan memenuhi parit dan melimpah ke atas permukaan jalan menyebabkan pengguna tidak sedar kewujudan parit tersebut.

Dia yang tinggal berhampiran jalan itu berkata, sudah beberapa kali melihat kereta terjunam dalam parit disebabkan tiada pengadang bahu jalan selain gelap.

"Kalau boleh saya minta



Banyak kenderaan dilaporkan terbabas dan terjunam ke dalam parit di jalan yang menghubungkan penduduk Kampung Seri Andalas dengan Puchong Permai.

diletakkan kon konkrit atau pembahagi jalan besi supaya dapat mengelak kenderaan terbabas," katanya.

Sharudin berkata, laluan itu digunakan ribuan pengguna setiap hari bagi menghubungkan mereka dari

Puchong Perdana ke beberapa kampung tradisi.

Selain kereta, ia turut mengundang risiko kepada penunggang motosikal terutama kepada mereka yang baru pertama kali menggunakan laluan itu.

"Laluan ini dah jadi macam laluan utama penduduk kampung ke Puchong Permai, Puchong Perdana, Puchong Prima dan sebagainya, pihak berkenaan perlu ambil tindakan segera supaya tiada lagi kemalangan berlaku," katanya.